

30/10/2000

Rakyat terima padah (HL)

Lichong Angkui; Ridzuan Yop

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan perbuatan pembangkang memburukkan nama Malaysia di luar negara sebagai suatu penderhakaan kerana yang menerima kesan jangka panjang ialah rakyat biasa.

Sambil menyifatkan perbuatan itu serius kerana ia boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara, Perdana Menteri berkata, kerajaan meneliti sama ada tindakan undang-undang boleh dikenakan ke atas mereka terbabit.

Beliau kesal tindakan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) membayar sebuah agensi di Amerika Syarikat untuk memburukkan Malaysia supaya pelabur asing tidak datang melabur.

"Tindakan semacam ini tidak harus dibuat ... ia tidak memberi kesan kepada pemimpin kerajaan tetapi kalau ekonomi tidak tumbuh dengan pesat, rakyat yang menerima padahnya.

"Membuat tuduhan memburukkan negara kerana kepentingan seseorang atau kepentingan tertentu adalah suatu penderhakaan kepada negara. Kita tidak boleh menderhaka kepada negara walau apapun kekecewaan kita," katanya berucap pada jamuan bersama rakyat Malaysia di The Empire Hotel and Country Club, di sini hari ini.

Rabu lalu, Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohamed Nor, dilaporkan mengakui dia bersama rakan seperjuangannya dalam parti itu terbabit dalam gerakan memburukkan Dr Mahathir di Amerika Syarikat dan Eropah serta mencabar kerajaan mendakwa di mahkamah berikutan perbuatannya itu.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Brunei Darussalam mengingatkan rakyat Malaysia, termasuk di luar negara, jangan terpedaya dengan pelbagai tohmahan yang dilemparkan parti pembangkang.

Katanya, pembangkang sengaja mencetuskan pelbagai tuduhan untuk mempengaruhi serta menyemai budaya membenci dan tidak berterima kasih ke dalam jiwa orang Melayu.

"Matlamat utamanya untuk melihat perpecahan, terutama di kalangan orang Melayu dan supaya ekonomi negara tidak pulih," katanya.

Di GEORGETOWN, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, polis akan tetap menjalankan siasatan terhadap Ezam berhubung pengakuannya memburukkan kerajaan di luar negara walaupun beliau menafikan tidak tahu menahu mengenai pelantikan firma pelobi di Amerika Syarikat bagi tujuan itu.

Katanya, polis menjalankan siasatan berdasarkan kepada ceramah Ezam di Alor Star selepas laporan polis berkaitan kenyataan itu dibuat.

"Apa dia nak kata ... dia boleh kata, tetapi siasatan tetap akan dijalankan berdasarkan kenyataan dalam ceramahnya sebagai bukti," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Menara MAA Pulau Pinang, di sini hari ini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, siasatan sudah dijalankan selepas dua laporan polis berkaitan kenyataan Ezam itu.

Ditanya sama ada Ezam akan dipanggil untuk siasatan lanjut, Abdullah berkata, perkara itu diserahkan kepada polis.

Dalam ceramahnya pada Perhimpunan Gerakan Mengembalikan Hak-Hak Rakyat di Alor Star, Ezam dilaporkan mengaku terbabit dalam gerakan memburukkan Perdana Menteri di Amerika dan Eropah.

Kumpulan yang menjadi sasaran gerakan itu ialah penuntut, ahli politik dan pelabur asing.

Dalam ceramahnya itu, beliau turut mengaku berjaya mempengaruhi pelabur

asing di Amerika supaya tidak datang ke Malaysia dengan alasan sistem kehakiman negara ini dikuasi ahli politik.

Semalam, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kedah, Asisten Komisioner Abdul Jalan Mohamed Yunus berkata, siasatan dilakukan selepas dua lelaki membuat laporan polis mengenai pengakuan Ezam memburukkan Perdana Menteri.

Laporan di dua tempat berasingan itu meminta polis menyiasat terhadap kenyataan yang disifatkan sebagai hasutan itu. Justeru, polis akan memanggil saksi terbabit.

Sementara itu, mengenai laporan Reuters yang menyebut 1,491 orang termasuk rakyat Malaysia didakwa di mahkamah Itali kerana terbabit dalam Internet lucah membabitkan kanak-kanak, Abdullah berkata mereka wajar dibicarakan di Itali.

"Perbuatan itu adalah sesuatu yang tidak baik dan mereka patut dihukum jika didapati bersalah," katanya.

(END)